

## Negeri Sembilan setuju larangan jual vape

**SEREMBAN** – Kerajaan Negeri Sembilan bersetuju jika larangan penjualan rokok elektronik atau vape dikuatkuasakan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ini kerana penggunaannya dalam kalangan pelajar hari ini amat membimbangkan.

“Patutnya isu larangan penjualan vape ini sudah selesai dulu dan ia pernah diharamkan tapi kini timbul semula.

“Jadi saya harap kerajaan dapat membuat keputusan segera mengenai isu vape ini kerana ia sudah merebak dalam kalangan pelajar termasuk sekolah rendah,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Town Hall Ma-

qasih Syariah Peringkat Negeri Sembilan di sini semalam.

Menurutnya, vape yang kini boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti pensel dan pemadam boleh mempengaruhi pelajar untuk menghisapnya.

Oleh itu, beliau berharap Kementerian Kesihatan (KKM) dapat membuat keputusan terbaik dalam menangani isu berkenaan.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Zul-



AMINUDDIN

kefly Ahmad berkata, penguatkuasaan larangan penjualan rokok elektronik atau vape yang menggunakan cecair tanpa nikotin masih dalam perbincangan.

Katanya, kementerian perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) masih lagi menjalankan kajian mendalam dan perbincangan termasuk akta baharu berkaitan vape yang kini dalam semakan Jabatan Peguam Negara.